

Publication	Bernamea.com	Section/Page No.	
Date	Isnin, 16 Ogos 2021	Lead Article	
Headline	CEO Kumpulan Enggan Sambung Kontrak Berakhir 31 Mac, 2022 - Takaful Malaysia		

CEO Kumpulan enggan sambung kontrak berakhir 31 Mac, 2022 - Takaful Malaysia

KUALA LUMPUR, 16 Ogos – Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd (Takaful Malaysia) menerima keputusan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil untuk tidak menyambung kontrak perkhidmatannya yang berakhir pada 31 Mac, 2022.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia pada Isnin, Takaful Malaysia berkata syarikat itu akan menggunakan khidmat firma perunding eksekutif untuk membantu langkah mengenal pasti calon pengganti beliau.

Mohamed Hassan telah berkhidmat selama 15 tahun dengan Takaful Malaysia sejak dilantik sebagai CEO pada 2006.

"Kami mengiktiraf sumbangan serta menghormati keputusan beliau untuk berundur pada akhir tempoh kontrak itu. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau dalam meneruskan usaha selepas ini.

"Beliau merupakan pemimpin yang banyak memberi inspirasi sejak bertahun-tahun lamanya. Malah, beliau telah memulakan pelbagai inisiatif dalam kumpulan serta membimbing pasukan untuk menetapkan banyak pencapaian serta usaha-usaha penting," katanya.

-- BERNAMA